

## Mahir Pelbagai Bahasa Menambat Hati Pelancong

Oleh: Adila Adha binti Mohamad Yussuf



*Asrul Aiman (kiri) dan Irfan Hakimi (kanan) yang mampu bertutur pelbagai bahasa*

PUTRAJAYA: Pengawal-pengawal keselamatan di Masjid Putra, di sini dikagumi ramai pengunjung dengan kebolehan mereka bertutur dalam tujuh bahasa.

Irfan Hakimi, 20, berkata, beliau mempelajari bahasa-bahasa asing bukanlah dari pendidikan formal tetapi, mempelajarinya daripada pelancong-pelancong yang berkunjung ke masjid tersebut.

Irfan berkata, sebenarnya kami tidaklah begitu fasih bertutur bahasa asing, tetapi kami hanya mampu bertutur ayat-ayat mudah dan berkomunikasi dengan pengunjung.

Irfan berkata, tujuan mereka mempelajari bahasa baru adalah untuk mengambil hati pelancong yang berkunjung ke masjid tersebut selain daripada minat.

Rakan sekerja, Asrul Aiman, 21, berkata dia hanya mempelajari Bahasa Jepun dengan mendalam.

“Mempelajari bahasa asing bukan dari segi percakapan sahaja, malah anda boleh belajar tentang cara hidup, budaya dan aktiviti-aktiviti mereka.

“Minat itu penting untuk belajar bahasa dengan mudah dan pantas. Minat ini dikaitkan dengan perasaan suka, selesa dan gembira. Apabila dapat merasai semua perasaan ini, pembelajaran bahasa asing akan menjadi lebih mudah,” katanya.

Antara bahasa yang boleh ditutur oleh mereka adalah Mandarin, Jepun, Korea, Vietnam, Filipina, Inggeris dan Melayu.

Mereka mula mempelajari bahasa-bahasa tersebut semenjak mereka mula bekerja di sini pada 2018 yang lalu.

Mereka berkata, kebolehan ini banyak membantu mereka dalam menjalankan tugas kerana mereka perlu berkomunikasi dengan pengunjung dari luar negara malah kebolehan itu banyak peluang pekerjaan yang dapat diceburi.

Akhir sekali, mereka berpesan agar sesiapa yang sedang belajar bahasa asing agar terus belajar dan pupuk minat untuk mempelajari bahasa asing untuk memudahkan komunikasi antara bangsa dan mengangkat martabat bahasa di persada dunia.